

Medan selera dalam pasar raya besar boleh beroperasi

Perkhidmatan terhadap untuk makanan dibawa pulang sahaja

Oleh Zanariah Abd Muralib
zanariah_muralib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Medan selera dalam pasar raya besar boleh beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuat kuasa semalam hingga 31 Mac ini, tetapi hanya terhad untuk makanan dibawa pulang saja atau melalui perkhidmatan penghantaran syarikat tertentu seperti Grab Food atau Food Panda, manakala makan di situ tidak dibenarkan.

Ja antara penjelasan diberikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) kepada 20 soalan lazim bagi sektor peruncitan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, semalam.

Selain medan selera, KPDNHEP memaklumkan, hanya penyewwa kedai dalam industri farmasi klinikal saja dibenar terus beroperasi di pasar raya besar sepanjang tempoh 14 hari ini.

"Bagi pusat beli-belah seperti penyewwa utama, hanya operasi peruncitan bagi makanan dan bahagian keperluan harian saja boleh diteruskan atas rundingan antara penyewwa dan pemilik premis.

"Bagi perniagaan dalam kedai khusus, hanya kedai makan/kedai runcit/kedai serbaneka saja

dibenarkan beroperasi dan hanya untuk makanan dibawa pulang atau perkhidmatan penghantaran," katanya.

Bagi restoran, seksyen 'Sedia Dimakan' (RTE) dan bakeri pula, KPDNHEP berkata, ia boleh dibuka tetapi hanya untuk makanan dibawa pulang saja dan pandu lalu atau melalui perkhidmatan penghantaran.

Selain itu, ibu pejabat syarikat peruncitan dibenar untuk terus beroperasi seperti biasa.

"Bagaimanapun, pihak penguurusan syarikat perlu mengenal pasti sektor, bahagian atau unit perlu diklasifikasikan sebagai perkhidmatan penting untuk hadir bekerja di premis ibu pejabat, manakala selebihnya yang bukan perkhidmatan penting perlu mengambil langkah bekerja dari ru-



Medan selera dalam pasar raya besar dibenar beroperasi tetapi terhad hanya untuk makanan dibawa pulang sahaja sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. (Foto Alzuddin Saad/BH)

Sementara itu, KPDNHEP mengingatkan syarikat mematuhi sebarang kuota lesen dikeluarkan mana-mana agensi kawal selia, namun ia boleh dipertimbangkan berdasarkan kes.

"Kita juga menggalakkan pasar raya melakukan kawalan sendiri bagi menangani pembelian barangan makanan dan keperluan harian dengan jumlah tidak munasabah oleh pengguna," katanya.

Operasi pusat pengedaran membabitkan bekalan barangan keperluan dan makanan merangkumi gudang e-dagang dan perkhidmatan gudang sokongan turut dibenarkan beroperasi.

Katanya, pembelian dalam talian, penghantaran dan pemasangan di rumah pelanggan juga dibenarkan, manakala pusat panggilan perkhidmatan pelanggan juga boleh beroperasi.